

CNS1794

R GB 23-10 00172 BD504

bah

Mahathir - UMNO

TINGKATKAN PERPADUAN CAPAI MATLAMAT PERJUANGAN UMNO, KATA MAHATHIR

SHAH ALAM, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kepentingan dan perjuangan anggota UMNO demi nama baik dan maruah bangsa Melayu, kedaulatan negara dan kesucian Islam, hendaklah terus dipertahan dan dipertingkatkan.

Untuk itu anggota-anggota UMNO hendaklah terus meningkatkan perpaduan di kalangan mereka agar perjuangan bangsa mencapai matlamatnya dan parti tidak mudah menjadi lemah, kata Perdana Menteri dalam perutusan pada buku cenderamata majlis memecah tanah pembinaan bangunan ibu pejabat UMNO Selangor di sini, hari ini.

Upacara memecah tanah itu dilakukan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata pembinaan bangunan baru itu akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan dan pengaruh UMNO Selangor sebagai tunggak politik tempatan di samping meningkatkan lagi semangat dan tenaga anggota-anggotanya untuk berkhidmat kepada parti.

Anwar pula dalam perutusannya berkata UMNO kini berdepan dengan kenyataan bar yang menuntut setiap anggotanya memperbaharui tekad dan iltizam terhadap perjuangan. -- Lagi

▼23/10/15-45MST

CNS1795

R GB 23-10 00147 BD505

bah

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Shah Alam

"Bukan saja tekad yang perlu diperbaharui, tetapi kita juga harus bersedia membuat perubahan dalam pendekatan dan gaya kerja," katanya, sambil menambah bahawa anggota-anggota UMNO juga perlu memahami dan setia terhadap perjuangan.

"Justeru itu segala jentera kita perlu diperkukuhkan. Saya percaya usaha yang kita lakukan sekarang menjurus ke arah itu," kata Anwar.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib pula berkata agenda perjuangan UMNO dan orang Melayu pada masa depan perlu sesuai dan selaras dengan keperluan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa dalam iklim yang memerlukan ketahanan semangat, daya saing, keterampilan dan kebijaksanaan.

"Untuk itu teras perjuangan UMNO perlu mengutamakan program pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan, kemajuan sains dan kemahiran teknikal, ilmu perhubungan antarabangsa serta teknologi maklumat untuk mengangkat martabat bangsa," katanya. -- Bernama

MNY RON

▼23/10/15-46MST